

# PM rasmi pesawat peninjau Eagle ARV

UM 1 1 OCT 2001

LANGKAWI 10 Okt. — Industri penerbangan negara hari ini mencatat sejarah apabila pesawat peninjau tanpa juruterbang pertama buatan Malaysia, Eagle ARV dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2001 (LIMA '01), di sini.

Pesawat keluaran Composite Technology Research Malaysia (CTRM) Sdn. Bhd. dengan kerjasama syarikat British Aerospace (BAe) dan Excelnet Sdn. Bhd itu adalah untuk kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Perdana Menteri dalam ucapannya mengucapkan tahniah dengan kejayaan syarikat-syarikat berkenaan membina Eagle ARV dan berharap kerjasama yang terjalin

di antara CTRM dan syarikat luar itu berjalan lancar.

Beliau juga berharap pesawat tersebut akan dijual dengan harga yang berpatutan supaya pihak yang berkenaan mampu untuk membelinya.

“Pesawat ini merupakan pesawat yang berguna semasa berlaku peperangan mahupun untuk pastikan keamanan,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran pesawat tersebut di Dewan Pameran Mahsuri, di sini hari ini.

Perjanjian mengenai pembinaan tiga pesawat ARV bernilai RM47 juta itu disaksikan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak di

Kuala Lumpur pada 8 Jun lalu.

Pesawat ARV yang berukuran 6,492 milimeter (mm) panjang dan 7,163 mm saiz kepek itu menggunakan enjin jenis TCM 10 240-125 kuasa kuda dan mampu memecut sehingga 120 knot sejam.

Sultan Brunei, Sultan Hassanah Bolkiah turut hadir pada majlis pelancaran itu dan telah dibawa melawat serta menyaksikan penerbangan pertama Eagle ARV.

Eagle ARV, mampu terbang pada ketinggian maksimum 6,400 meter dan berupaya beroperasi selama 10 jam tanpa henti.